

RM3.5b kos rawat penyakit akibat merokok

UTUSAN

24/11/2007

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Kerajaan perlu membelanjakan RM3.5 bilion tahun ini bagi memberi rawatan kepada perokok yang menderita tiga jenis penyakit berpunca daripada tabiat buruk mereka itu.

Jumlah ini adalah kira-kira separuh daripada peruntukan tahunan yang diberi kepada Kementerian Kesihatan dan hampir satu peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Bukan itu saja, banyak lagi beban yang dijangka terpaksa dipikul oleh kerajaan akibat kedegilan rakyat negara ini yang terus merokok.

Pada tahun-tahun akan datang, lebih banyak perokok dijangka menghidap barah paru-paru, penyakit jantung iskemia dan penyakit saluran udara tersumbat kronik, yang akan memakan wang rakyat berjumlah berbilion ringgit.

"Jika langkah pencegahan tidak diambil, RM3.8 bilion perlu dibelanjakan pada 2010 bagi merawat mereka yang menghidap pe-

nyakit ini.

"Kementerian Kesihatan mendapat peruntukan RM7 bilion setahun tetapi tahun ini, separuh daripada jumlah itu dibelanjakan bagi merawat tiga penyakit berkaitan merokok.

"Kerana perokok, kerajaan tidak dapat menyalurkan dana itu kepada bidang lain dalam penjagaan kesihatan," kata fellow kanan penyelidikan Institut Antarabangsa bagi Kesihatan Global Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU-IIGH), Prof. Dr. Syed Mohamed Aljunid pada sidang akhbar di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) di sini hari ini.

Dr. Syed Mohamed merupakan ketua penyelidik mengenai unjuran kos penjagaan kesihatan Malaysia bagi tiga penyakit berkaitan merokok 2004-2010.

Kajian beliau menunjukkan bahawa antara 23 peratus dan 25 peratus penduduk Malaysia terdedah kepada tiga penyakit berkenaan.

Pecahan demografi menunjukkan hampir separuh (49 peratus) daripada penduduk lelaki dewasa, lima peratus penduduk wanita dewasa dan 13-15 peratus penduduk remaja negara ini, adalah perokok.

"Saya amat yakin kunci untuk menghalang masalah ini daripada terus meningkat terletak pada penguatkuasaan tegas oleh kerajaan dan kenaikan tinggi harga rokok serta bantuan masyarakat dan badan berkaitan," kata Syed Mohamed.

Rumusan Syed Mohamed mengenai penyakit berkaitan merokok itu adalah hasil penyelidikan yang dilakukannya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

Syed Mohamed mendedahkan hasil kajiannya itu kepada media berikutan tersiarinya kenyataan akhbar yang mengumumkan hasil penyelidikan tentang Cabaran Besar Mengenai Penyakit Kronik Yang Ti-

dak Berjangkit oleh UNU dan diterbitkan oleh *Nature Magazine*.

Dua puluh tujuh pakar daripada UNU membuat kajian mengenai CNCV, yang meliputi penyakit berpunca daripada gaya hidup seperti masalah jantung, barah, masalah kronik pernafasan dan diabetes jenis 2, yang sebenarnya boleh dicegah apabila seseorang itu mengubah gaya hidupnya.

Kenyataan akhbar itu mendedahkan bahawa 60 peratus kematian di seluruh dunia boleh dikaitkan dengan penyakit berkenaan dan 80 peratus daripada kematian akibat penyakit kronik berlaku di negara berpendapatan rendah dan sederhana.

Pengarah UNU-IIGH, Tan Sri Dr. Mohamed Salleh Mohamed Yasin berkata, 44 peratus daripada 'kematian pramasa' di seluruh dunia berpunca daripada penyakit yang boleh dicegah ini dan penyakit berkenaan kini tidak lagi menjadi masalah di negara maju kerana arah alirannya sudah berpindah ke negara membangun.